



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

10 MAC 2025 (ISNIN)

Pekerja Aniaya Anjing Sudah dibuang Kerja

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	27	10 Mac

Pekerja aniaya anjing sudah dibuang kerja

IPOH - Seorang pekerja sebuah kedai serbaneka di Menglembu, di sini, telah dikenakan tindakan selepas video perbuatannya menghalau anjing dengan menyimbah menggunakan air panas menjadi tular.

Kejadian pada Sabtu dirakam kamera litar tertutup (CCTV) premis berkenaan sebelum dimuat naik di laman sosial Facebook Fauziah Paws Care.

Menerusi rakaman itu, pekerja dilihat mengisi air dari mesin pemanas ke dalam cawan sebelum menyimbah ke arah an-

jing yang berada di pintu masuk premis. Tindakan individu itu mendapat kritikan warga maya yang disifatkan sebagai tidak berperikemanusiaan dan difahamkan, satu laporan polis turut dibuat di Balai Polis Menglembu.

Sementara itu, Pemangku Ketua Polis Daerah Ipoh, Superintenden Mohamad Sajidan Abdul Sukor ketika dihubungi, memaklumkan kenyataan media berkaitan insiden itu akan dikeluarkan pihaknya.

Dalam pada itu, KK Super Mart dalam satu kenyataan dimuat naik di laman so-

sial Facebook mengumumkan kontrak pekerja terbabit ditamatkan serta-merta.

Katanya, pihaknya mengecam sebarang bentuk kekejaman terhadap haiwan dan tidak akan bertolak ansur dengan tindakan sedemikian.

"Syarikat sudah menjalankan siasatan dalaman dan kakitangan bertanggungjawab sudah dipanggil.

"Kami juga menghubungi pemilik pusat penjagaan haiwan dan bersedia menanggung kos rawatan perubatan haiwan ini," katanya.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR